

Projek mega tanam padi RM5b dimula masa terdekat

Kerajaan tumpu usaha tingkatkan hasil pesawah

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Serdang: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kerajaan akan memulakan projek mega berjumlah RM5 bilion membabitkan industri tanaman padi, dalam masa terdekat.

Perdana Menteri berkata, perancangan membabitkan perbelanjaan sebanyak RM5 bilion itu tertumpu kepada golongan pesawah bagi meningkatkan hasil mereka.

"Ada projek besar yang bakal kita perkenalkan, termasuk

projek raksasa tanaman padi fasa pertama yang akan dimulakan dalam masa singkat.

"Seluruh projek dengan belanja RM5 bilion hanya untuk menumpukan perhatian kepada pesawah. Itu berbeza dengan orang yang maki hamun, tapi bila diberi kuasa tidak melakukan apa-apa," katanya.

Beliau berkata, peningkatan hasil golongan itu juga akan menaikkan taraf hidup mereka.

"Maka, tumpuan diberikan KPKM (Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan) dengan fokus terhadap peningkatan pengeluaran padi beras negara," katanya berucap merasmikan Pameran Pertanian Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dan tim-

balannya, Datuk Arthur Joseph Kurup serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Perdana Menteri berkata, menjadi cabaran kepada kerajaan dan agensi berkaitan dalam menggerakkan masyarakat, khususnya petani, pesawah dan nelayan untuk bersama-sama menerima perubahan sedang dirancang bagi melonjakkan hasil dengan lebih baik.

"Bagaimana kita mahu gerakan masyarakat, termasuk golongan petani, pesawah, nelayan untuk juga terima perubahan (transformasi industri pertanian) ini dan melonjakkan hasil dengan baik," katanya.

Amalan kartel dihentikan

Dalam pada itu, Anwar juga mahu amalan lama kartel import baja dan benih wajib dihentikan.

Beliau berkata, usaha menghentikan amalan lama kartel me-

merlukan tekad politik dan ketegasan menteri yang berkenaan.

"Dah puluh tahun kita bicarakan soal ini dan sekarang kita ada menteri yang menyatakan, 'cukup'.

"Sekarang keputusan kita mesti berdasarkan fakta dan apa yang terbaik untuk petani, nelayan dan pekebun kecil di negara kita. Ini dilakukan oleh menteri dan kementerian. Saya ucapkan terima kasih," katanya.

Anwar berkata, beliau yakin landskap pertanian negara akan berubah dalam tempoh satu atau dua tahun lagi.

Beliau berkata, keyakinan itu berdasarkan kepada perubahan dan kemajuan yang ditunjukkan KPKM.

"Kalau rentak perubahan dan kemajuan berlaku di KPKM seperti yang ada sekarang dengan fokus termasuk durian dan pelbagai hal lain, saya yakin beri satu, dua tahun lagi kita lihat

landskap pertanian negara akan berubah.

"Jadi, saya harap semua agensi, MARDI (Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia) dan lain-lain termasuk Jabatan Pertanian dan Perikanan ambil ini sebagai satu cabaran," katanya.

Sementara itu, Anwar turut menekankan jika negara ingin menjamin produktiviti, seluruh ekosistem harus teratur sama ada membabitkan KPKM secara khusus atau kementerian lain.

Katanya, KPKM mempunyai tanggungjawab yang sangat penting dan strategik kepada negara.

"Jadi, ekosistem kena berjalan. Kalau kita bicara soal pengeluaran, tak fikir soal modal, tak ikut pasal pemasaran, tak fikir soal produktiviti, dia tak lengkap.

"Ini teori lama bukan teori baru. Pakar ekonomi daripada dulu memang menekankan hal ini," katanya.



Anwar menyampaikan Anugerah Perdana Agromakanan kepada Usahawan Geran Agropreneur Muda KPKM, Mohd Hafiz Nordin pada majlis perasmian MAHA 2024, di MAEPS, Serdang yang turut dihadiri Mohamad, semalam.

(Foto BERNAMA)